

**ELEMEN FIQH AL-'AWLAWIYYAH DALAM AL-QUR'AN MENERUSI
TAFSIRAN SAYID QUTB PADA EMPAT AYAT TERPILIH
ELEMENTS OF FIQH AL-'AWLAWIYYAH IN THE QUR'AN THROUGH THE
INTERPRETATION OF SAYID QUTB IN FOUR SELECTED VERSES**Nur Bakri Abd Hamid¹¹ Pensyarah, Universiti Cyberjaya, nurbakri@cyberjaya.edu.my

Artikel diterima: 22 Mac 2022

| Selepas Pembetulan: 16 April 2022

| Diterima untuk terbit: 25 Mei 2022

Abstrak

Kajian tentang konsep *fiqh al-'Awwaliyyah* telah menjadi perhatian Sarjana-Sarjana Islam dan para pendakwah termasuk dalam bidang tafsir. Setelah konsep *fiqh al-'Awwaliyyah* dimurnikan oleh Dr. Yusuf al-Qaradawi, kajian dan perbincangan aplikasinya semakin meluas. Taburan kajian dan aplikasi ini, merangkumi pelbagai disiplin ilmu, iaitu, permasalahan ibadat, strategi dakwah, pentadbiran kenegaraan, dan banyak lagi. Kajian ini menumpukan kepada naratif *fiqh al-'Awwaliyyah* yang terdapat di dalam ayat-ayat al-Qur'an al-Karim merangkumi surah al-Anfal ayat 65-66, surah al-Ma'un ayat 4-6, surah al-Taubah ayat 122 dan surah al-Muzammil ayat 1-5. Kajian ini adalah kajian kualitatif dan melalui analisis kandungan daripada kitab utama tafsir *Fi Zilalil Qur'an*. Dari hasil kajian empat ayat *al-Qur'an* ini, mendapati adanya perbincangan elemen *fiqh al-'Awwaliyyah* seperti, keutamaan kefahaman Islam dan keimanan berbanding kekuatan fizikal ketika di medan jihad dan lainnya.

Kata kunci

Al-Qur'an, Fiqh, Fiqh al-'Awwaliyyah, Sayyid Qutb, Tafsir Fi Zilalil Qur'an

Abstract

The study of the concept of fiqh al-'Awwaliyyah has come to the attention of Islamic Scholars and preachers including in the field of tafsir. After the concept of fiqh al-'Awwaliyyah was purified by Dr. Yusuf al-Qaradawi, the study and discussion of its application is becoming more widespread. The distribution of these studies and applications, covers various disciplines of knowledge, namely, problems of worship, da'wah strategies, state administration, and more. This study focuses on the narrative of fiqh al-'Awwaliyyah found in the verses of al-Qur'an al-Karim including surah al-Anfal verses 65-66, surah al-Ma'un verses 4-6, surah al-Taubah verse 122 and surah al-Muzammil verses 1-5. This study is a qualitative study and through content analysis of the main book of tafsir Fi Zilalil Qur'an. From the results of the study of these four verses of the Qur'an, found that there is a discussion of the elements of fiqh al-'Awwaliyyah such as, the priority of Islamic understanding and faith compared to physical strength when in the field of jihad.

Keywords

Al-Qur'an, Fiqh, Fiqh al-'Awwaliyyah, Sayyid Qutb, Tafsir Fi Zilalil Qur'an

1.0 Pengenalan

Fiqh al-'Awwaliyyah terdiri daripada dua perkataan iaitu *fiqh* yang bermaksud faham atau kefahaman manakala *'awlawiyyah* berasal daripada perkataan *awla* yang bermaksud utama atau keutamaan. Justeru *fiqh al-'Awwaliyyah* bermaksud kefahaman untuk membezakan atau menilai mana yang lebih utama. Dan di dalam seharian kehidupan manusia, khususnya orang yang beriman, sering bertembung dengan dua larangan ataupun dua arahan yang saling bertembung.

Konsep *fiqh al-'Awwaliyyah* telah banyak dibincangkan di dalam ayat-ayat al-Qur'an dan juga hadis Nabi Muhammad SAW (Yusuf al-Qaradawi, 1996). Dan kebanyakannya dijadikan sebagai *istinbat* hukum bagi menentukan keutamaan pada sesuatu keadaan. Justeru kajian ini akan menyelami beberapa ayat al-Qur'an pilihan untuk membincangkan pandangan-pandangan Sayyid Qutb mengenai tafsir ayat tersebut kemudian dibahaskan mengikut konsep *fiqh al-'Awwaliyyah* oleh pengkaji.

2.0 Kajian Literatur

Dr. Yusuf al-Qaradawi (1996) di dalam penulisannya, '*Fiqh Al-'Awwaliyyah wa Dirasah Jadidah fi Dhau'i al-Qur'an wa sunnah*' beliau membincangkan beberapa keadaan semasa seperti masalah kesenian dan hiburan lebih diutamakan daripada urusan berkenaan dengan ilmu pengetahuan dan pendidikan, kegiatan beliau lebih mengutamakan riadah jasmani berbanding daripada intelektual dan fikiran, media massa mengutamakan kehidupan artis dan seniman berbanding kehidupan orang alim dan jua lainnya.

Realiti umat yang dibincangkan sebagai contoh untuk membawa kepada analisis *fiqh al-'Awwaliyyah* dari zaman kemunduran umat Islam dan menimbulkan kesedaran kepada keperluan ilmu *fiqh al-'Awwaliyyah* dan memahaminya.

Dr. Yusuf al-Qaradawi (2015) di dalam penulisannya, '*Fiqh Keutamaan: Agenda-Agenda Utama Harakah Islam Pada Masa Yang Akan Datang*', penulis membincangkan lebih khusus kepada peranan gerakan Islam berbanding kaedah-kaedah meletakkan keutamaan yang dibincangkan dalam penulisannya sebelum ini. Di dalam penulisan ini, penulis mengetengahkan perbincangan bidang-bidang amal yang patut dikemudi oleh sesebuah gerakan Islam yang diantaranya adalah bidang pendidikan, bidang sosial, bidang ekonomi, bidang jihad, bidang dakwah dan jurnalistik, bidang pemikiran dan ilmiah dan juga pengagihan kepakaran di dalam sesebuah masyarakat.

Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buthy (2005) di dalam penulisannya '*Sirah Nabawiyah Kajian Mendalam Manhaj Gerakan Islam Pada Masa Rasulullah SAW*' menegaskan betapa pentingnya untuk mempelajari dan menetapkan *fiqh* mengikut keutamaan pada suatu masa dan tempat dengan tepat. Beliau membincangkan perihal Perang Tabuk tatkala umat Islam sangat membutuhkan dana untuk peperangan. Maka dari peristiwa Perang Tabuk ini, para *fuqaha* menetapkan dibolehkan untuk mencari dana dari masyarakat dengan mematuhi syarat-syarat *fiqh* yang telah ditetapkan.

Nur Inani Ismail (2019), menjelaskan *fiqh al-'Awwaliyyah* adalah sebuah ijtihad hukum yang dikeluarkan oleh Imam al-Ghazali dan Ibnu Taimiyah. Beliau mengetengahkan definisi *fiqh al-'Awwaliyyah* daripada Dr. Yusuf al-Qaradawi, "ialah mengutamakan perkara yang seharusnya diutamakan mengikut syariat dan panduan Islam. Sesuatu

perkara yang seharusnya didahulukan dan diutamakan mengikut pertimbangan keadilan. Ianya melibatkan perlakuan, pemikiran, hukum-hakam dan nilai-nilai akhlak mulia". Nur Inani juga membincangkan sumber, pembentukan, evolusi dan analisis epistemologi bagi *fiqh al-'Awwaliyyah*. Dan secara asasnya, *fiqh al-'Awwaliyyah* terbentuk daripada *fuqaha* silam antaranya sepertinya Imam al-Ghazali, Imam Ibn Taimiyah dan Ibn Qayyim al-Jawziyyah. *Fiqh al-'Awwaliyyah* juga dibentuk daripada sumber wahyu melalui proses *istinbat* melalui kaedah-kaedah *usul fiqh* dan *qawa'id fiqh* yang akhirnya membentuk ijtihad hukum bagi *fiqh al-'Awwaliyyah*.

Kesimpulannya, *fiqh al-'Awwaliyyah* membincangkan konflik-konflik harian dari perkara bersifat peribadi sehingga kepada masalahat umat. *Fiqh al-'Awwaliyyah* juga mengukuhkan lagi sifat amali (*practice*) dan sifat *syumuliyah* Islam dalam menguruskan setiap urusan manusia di dunia demi mendapat keredhaan Allah SWT dalam ruang syariat yang suci dan luas.

3.0 Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian teks dimana pengkaji membahagikan sumber data kepada dua bentuk, iaitu sumber primer dan sekunder. Sumber primer adalah kitab tafsir *al-Qur'an* dan kitab *al-Hadith*. Sumber sekunder adalah dari penulisan subjek kajian. Sumber tafsir *al-Qur'an* yang dijadikan rujukan adalah *Tafsir Fi Zilalil Qur'an* terbitan Pustaka Darul Iman sebagai tafsir utama, *Ma'ariful Qur'an* terbitan Maktaba Darul Uloom dan *Tafsir al-Qur'an al-Azhim* terbitan Maktabah Awlad al-Syeikh lil-Tarats. Kitab tafsir *Fi Zilalil Qur'an* dan kitab *Ma'ariful Qur'an* dipilih sebagai wakil kitab tafsir kontemporari manakala kitab tafsir *al-Qur'an al-Azhim* mewakili kitab *thurath*. Fokus juga diberikan kepada tafsir *Fi Zilalil Qur'an* oleh Sayyid Qutb kerana sifat kitab ini disifatkan sebagai tafsir madani dan haraki yang terpenting dan berpengaruh dalam kajian teks *al-Qur'an* pada abad ke 20-21. Ia merungkai persoalan budaya, politik, hukum, syariat, pemikiran, dan sains dengan manhaj penulisan yang menarik dan persuasif (Ahmad Nabil, 2019).

Sumber hadis adalah dari *Sahih al-Bukhari* dan *Mukhtasar al-Maqasid*.

Sumber sekunder ialah penulisan tentang subjek kajian. Kajian dan karya penulisan sarjana Islam bagi mendapatkan maklumat berkaitan definisi, konsep, sejarah serta pembangunan *fiqh al-'Awwaliyyah* menurut perspektif Islam. Antaranya adalah '*Fiqh Al-'Awwaliyyah wa Dirasah Jadidah fi Dhau'i al-Qur'an wa sunnah*', 'Fiqh Keutamaan: Agenda-Agenda Utama Harakah Islam Pada Masa Yang Akan Datang' oleh Yusuf al-Qaradhawi, '*Ar-Raheeq al-Makhtum*' oleh Syeikh Sofiyurrahman al-Mubarakfuri dan Sirah Nabawiyah: 'Kajian Mendalam Manhaj Gerakan Islam Pada Masa Rasulullah SAW' (*Fiqhus Sirah: Dirasat Minhajiyah 'Ilmiah li Siratil Mustafa 'Alaihi Solawatu wassalam*) oleh Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buthy. Penulisan utama adalah daripada Dr. Yusuf al-Qaradawi dan Dr. Muhammad Sa'id Ramadan al-Buthy. Pemurniaan konsep *fiqh al-'Awwaliyyah* yang diketengahkan oleh Qaradawi menyentuh isu-isu semasa umat dari pelbagai aspek. Kitab '*Fiqh Al-'Awwaliyyah wa Dirasah Jadidah fi Dhau'i al-Qur'an wa sunnah*' oleh Qaradawi juga menyentuh pendapat-pendapat *thurath* mengenai konsep *fiqh al-'Awwaliyyah* dan memberikan gambaran secara keseluruhan kepada konsep ini kepada pengkaji. Manakala kitab *Fiqhus Sirah: Dirasat Minhajiyah 'Ilmiah li Siratil Mustafa 'Alaihi Solawatu wassalam* oleh Dr. Ramadan al-Buthy membincangkan peristiwa-peristiwa di dalam *al-Qur'an* dalam struktur pengajaran dan hikmah, bukan fakta dan pengetahuan sahaja.

Kesimpulannya, pengkaji membuat analisis kandungan daripada tiga kitab tafsir yang disebut dan menjadikan analisis kandungan tafsir *Fi Zilalil Qur'an* sebagai analisis utama dan kitab tafsir yang lain disebut sebagai hujah sokongan dan perbandingan.

4.0 Fiqh al-'Awlawiyah Dalam Perspektif Ulama Kontemporari

Menurut *al-Mawrid Al-Quarib* (Baalbaki, 2008), perkataan *fiqh* berasal dari (فقه) yang membawa maksud untuk memahami atau untuk mengetahui. (فقه) bermaksud pembawakan, fahaman atau doktrin. Manakala (أولوية) bermaksud keutamaan atau yang terpenting di suatu waktu. Manakala (فقه الأولوية) membawa maksud fahaman keutamaan.

Menurut Dr. Yusuf al-Qaradawi (2015), *fiqh al-'Awlawiyah* adalah menempatkan perkara yang sesuai dengan urutan kedudukannya, dengan demikian maka tidak boleh mengakhirkan satu perkara yang semestinya diutamakan, begitu pula mengutamakan satu perkara yang sepatutnya diakhirkan, tidak boleh mengira kecil satu perkara yang besar, dan tidak boleh membesar-besarkan satu perkara yang kecil.

Fiqh al-'Awlawiyah adalah gabungan dua perkataan, *fiqh* dan *al-'Awlawiyah*. *Fiqh* (فقه) bermaksud al-fahm (الفهم) yang bermaksud kefahaman atau memahami (Fahmi, 2010). *Fiqh* juga merupakan pengetahuan dan kefahaman seseorang ke atas suruhan Allah SWT yang melibatkan akidah, akhlak dan amalan (Atikullah, 2010).

Abdul Karim Zaidan (1969) menjelaskan *fiqh* Islam berlandaskan kepada syariat Islam dan kerana itu ianya mempunyai dasar dan rujukan agama (*sibghah diniyyah*) yang perlu dihormati dan tidak boleh ditentang. Dan *fiqhul Islam* juga memiliki ciri khas fleksibel dan bersifat survival kerana ianya memenuhi seluruh keperluan dan kemaslahatan manusia yang disyariatkan ke atasnya.

Justeru ilmu fiqh ini merangkumi seluruh aspek rutin kehidupan manusia. Dan dalam urutan pelbagai aktiviti kehidupan manusia, manusia dipertanggungjawabkan memikul amanah sebagai khalifah dan juga sebagai seorang 'abid yang beribadah. Sepertimana Allah SWT berfirman, iaitu:-

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: "Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi." Mereka bertanya tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata: "Adakah Engkau, Ya Tuhan kami hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya."

Surah al-Baqarah (2): 30

Manakala *al-'Awlawiyah* (الأولوية) adalah kata jamak dari perkataan *al-'Awla* (الأولى) bermaksud lebih utama atau lebih penting (Fahmi, 2010). *Al-'Awla* juga bermaksud lebih mencakupi dan lebih berkeelayakan (al-Maany, 2020). Justeru, gabungan perkataan antara *fiqh* dan keutamaan memberi makna memahami perkara-perkara

yang utama dalam agama (Fahmi Abdul Khir, 2010). Dr. Yusuf al-Qaradawi (1996) menjelaskan maksud *fiqh al-'Awwaliyyah* ialah meletakkan keutamaan sesuatu perkara yang sepatutnya diutamakan merujuk kepada syariat Islam. Dan ianya juga bermakna sesuatu perkara yang sepatutnya diutamakan mengikut neraca keadilan yang merangkumi perbuatan, pemikiran, hukum-hakam dan nilai-nilai akhlak mulia. Beliau menjelaskan bahawa,

“*fiqh* urutan keutamaan amal apa yang saya maksudkan, ialah meletakkan sesuatu perkara pada tertibnya dengan adil, dari perkara *fiqh*, nilai dan amalan, kemudian mendahulukan yang lebih utama merujuk kepada timbangan syariat yang tepat, maka tidaklah perkara remeh didahulukan dari perkara penting, tidak pula perkara penting mendahului perkara yang lebih penting, tidak juga perkara lemah mendahului perkara yang *rajih*, tidak juga perkara yang kecil keutamaannya mendahului perkara yang besar keutamaannya, bahkan hendaklah didahulukan yang berhak didahulukan serta dikemudiankan yang berhak dikemudiankan, tidak dibesarkan perkara yang kecil, tidak dipermudahkan perkara yang penting, hendaklah diletakkan setiap sesuatu ditempatnya dengan timbangan yang tepat tanpa tindakan yang melampau dan merugikan.”

Imam al-Ghazali (1987) di dalam kitab *Ihya'*, telah mencela mereka yang terpedaya dengan mengamalkan ibadat tanpa mempertimbangkan urutan darjat amal;

“adapun sekumpulan orang yang kerab melakukan ibadah-ibadah sunat tanpa mengambil berat kepada ibadah yang fardu. Mereka mendapati diri mereka bangga apabila telah berjaya menyelesaikan solat sunat Dhuha atau solat malam dan amalan-amalan sunat yang lain. Namun, dia tidak merasakan kenikmatan melakukan solat fardu dan perasaan tamaknya tidak semakin bangkit untuk melaksanakan solat pada awal waktunya.” Nabi SAW bersabda, iaitu:-

Maksudnya: “Tidaklah orang-orang yang berusaha menghampiri dapat menghampiri-Ku dengan melakukan perkara yang sama dengan apa-apa yang telah Aku fardukan kepada mereka.”

(HR Bukhari)

Kesimpulannya, konsep *fiqh al-'Awwaliyyah* membuka perbincangan yang lebih luas kepada permasalahan umat kontemporari. Ianya memastikan kelancaran aktiviti kehidupan manusia di dalam kerangka syariat untuk mendapat keredhaan Allah SWT. Konsep *fiqh al-'Awwaliyyah* berbeza dengan kefahaman teori konflik sosial yang pernah dilaungkan oleh masyarakat Barat sekitar awal kurun ke-19. Di mana masyarakat terbahagi kepada kelas buruh dan kelas atasan sehingga Karl Marx memperkenalkan sistem komunisme ketika pemerintahan Soviet di Rusia dan ianya meruntuhkan lagi nilai ekuiti sosial di dalam masyarakat. *Fiqh al-'Awwaliyyah* juga mengangkat hukum yang lebih tepat dan penting ke atas sesuatu keadaan dan situasi.

4.1 Elemen *Fiqh al-'Awwaliyyah* Dalam *al-Qur'an* Yang Menjadi Sumber Hukum Dalam *Fiqh al-'Awwaliyyah*

Fiqh Islam diasaskan berdasarkan kepada pandangan para fuqaha. Ini kerana *fiqh* yang dibina oleh para fuqaha terdahulu adalah pendapat dan pandangan yang terbaik

dan mereka meletakkan sumber *al-Qur'an* dan *al-sunnah* di tempat yang paling utama. Jika ianya memerlukan perubahan, ianya tidak boleh bercanggah dengan ketetapan nas (Atikullah Abdullah, 2010).

4.1.1 Surah al-Anfal (8): 65-66

Allah SWT berfirman, iaitu:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ حَرِّضِ الْمُؤْمِنِينَ عَلَى الْقِتَالِ إِنْ يَكُنْ مِنْكُمْ عِشْرُونَ صَابِرُونَ يَغْلِبُوا مِائَتِينَ وَإِنْ يَكُنْ مِنْكُمْ مِائَةٌ يَغْلِبُوا أَلْفًا مِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَفْقَهُونَ أَلَنْ حَقَفَ اللَّهُ عَنْكُمْ وَعَلِمَ أَنَّ فِيكُمْ ضَعْفًا فَإِنْ يَكُنْ مِنْكُمْ مِائَةٌ صَابِرَةٌ يَغْلِبُوا مِائَتَيْنِ وَإِنْ يَكُنْ مِنْكُمْ أَلْفٌ يَغْلِبُوا أَلْفَيْنِ بِإِذْنِ اللَّهِ وَاللَّهُ مَعَ الصَّابِرِينَ

Maksudnya: “Wahai Nabi, peransangkanlah orang-orang yang beriman itu untuk berperang. Jika ada di antara kamu dua puluh yang sabar, nescaya mereka dapat menewaskan dua ratus orang (dari pihak musuh yang kafir itu); dan jika ada di antara kamu seratus orang, nescaya mereka dapat menewaskan seribu orang dari golongan yang kafir, disebabkan mereka (yang kafir itu) orang-orang yang tidak mengerti. Sekarang Allah telah meringankan daripada kamu (apa yang telah diwajibkan dahulu) kerana Ia mengetahui bahawa pada kamu ada kelemahan; oleh itu jika ada di antara kamu seratus orang yang sabar, nescaya mereka akan dapat menewaskan dua ratus orang; dan jika ada di antara kamu seribu orang, nescaya mereka dapat menewaskan dua ribu orang dengan izin Allah. Dan (ingatlah) Allah beserta orang-orang yang sabar.”

Saranan dan kewajiban berperang telah bermula sejak Perang Badar *al-Kubra* dan kemudian disusuli Perang Uhud dan lain-lainnya. Peperangan disisi syariat termasuk dalam ujian yang Allah SWT berkehendak ke atas orang-orang yang beriman ketika awal dakwah Islamiah.

Allah SWT Maha Kuasa untuk menghancurkan kaum-kaum yang zalim dan tidak beriman, namun, Allah SWT menguji orang-orang untuk berjihad menghapuskan kaum-kaum yang zalim sebagai ujian keimanan. Pada awal peperangan di dalam Islam, Rasulullah SAW dan para sahabat RA berhadapan dengan pihak musuh yang bilangan yang lebih banyak daripada tentera Muslimin.

Sayyid Qutb (2010) menjelaskan bahawa ayat dari surah al-Anfal ini adalah rahsia kekuatan *Mujahidin fi sabilillah*. Keutamaan kefahaman Islam dan keimanan menjadi keutamaan yang paling penting kepada orang Mukmin khususnya para sahabat RA di medan perang. Nabi SAW menyebut dalam satu hadis, iaitu:-

مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ

Maksudnya: “Siapa yang kehendaki kebaikan padanya, maka Allah akan jadikan orang itu faham terhadap agamanya.”

(HR Bukhari & Muslim)

Kefahaman agama yang menjadi asas kepada kefahaman para sahabat RA mengenai agama antaranya bermula dengan dikuatkan dengan keyakinan kepada Allah SWT sebagai Rabb pemilik semesta alam dan juga kehidupan yang kekal di akhirat serta ganjaran syurga dan balasan neraka. Naratif kefahaman ini menjadi

keutamaan yang membezakan para Mujahidin dan golongan yang mengkufurkan Allah SWT.

Justeru Sayyid Qutb (2010) menjelaskan bahawa ayat-ayat ini mengandungi hakikat penilaian kekuatan pejuang-pejuang Muslimin dalam menghadapi musuh Allah SWT dan keutamaan ayat-ayat ini bertujuan untuk memberi kefahaman kepada orang Mukmin hakikat kekuatan mereka disisi Allah SWT dan jaminan kemenangan Islam meskipun bilangan musuh Allah lebih ramai.

Muhammad Shafi (2011) menerangkan bahawasanya mengenai ayat 65 dan 66 dengan bermaksud Allah SWT mewajibkan para sahabat RA keluar perang di Badar dimana nisbah bilangan tentera Muslimin jauh lebih sedikit daripada bilangan tentera Musyrikin namun secara hakikatnya ia adalah khabar gembira kepada orang Mukmin bahawasanya kekuatan mereka sama bahkan lebih kuat meskipun bilangan musuh Islam lebih ramai.

Muhammad Shafi menjelaskan lagi, bahawasanya khabar gembira serta motivasi ini sejajar dengan keadaan orang Mukmin sabar dan teguh di dalam keyakinan mereka. Kerana jaminan kekuatan seseorang tentera Islam untuk menghadapi musuh yang lebih ramai di medan jihad ditentukan dengan kekuatan imannya. Lebih dalam imannya kepada Allah SWT maka kuat keyakinan jiwa dan perasaan bahawa Allah SWT sudah cukup baginya dan ini menghasilkan suatu daya yang luar biasa dan utuh kerana di dalam hatinya hanya ada Allah SWT. Maka keutamaan tentera Mukmin di medan jihad adalah keutamaannya dalam *taqarrub* serta keyakinannya terhadap Allah SWT daripada kefahaman, ibadah dan amal soleh yang dia usahakan.

Ibnu Kathir (2004) menjelaskan keutamaan untuk Nabi SAW dan para sahabat RA untuk keluar berperang daripada, memendam perasaan takut dan risau dengan bilangan musuh yang tidak beriman. Meskipun keadaan dan nisbah bilangan tentera Muslimin lebih sedikit berbanding kaum musuh, maka Allah SWT membawa khabar gembira sebagai motivasi kepada Nabi SAW dan para sahabat RA.

Kesimpulannya, pengkaji melihat elemen *fiqh al-'Awlawiyyah* dari perbahasan ayat ini adalah dimana keimanan yang mendalam kepada Allah SWT dan kefahaman kepada Islam lebih utama daripada mempersiapkan jumlah tentera yang ramai apabila berada di medan perang. Ini terbukti dengan beberapa peperangan seperti peperangan Mu'tah dan juga kemenangan tentera HAMAS melawan tentera Zionis Israel.

4.1.2 Surah al-Ma'un (107): 4-6

Allah SWT berfirman, iaitu:

فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ الَّذِينَ هُمْ يُرَاءُونَ

Maksudnya: "(Kalau orang yang demikian dikira dari bilangan orang-orang yang mendustakan agama), maka kecelakaan besar bagi orang-orang Ahli Sembahyang. (laitu) mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan sembahyangnya. Orang-orang yang berkeadaan riak (bangga diri dalam ibadat dan bawaannya)."

Pada ayat 1 sehingga 3, Sayyid Qutb (2010) menjelaskan antara intisari hakikat keimanan, iaitu orang yang mendustakan agama ialah orang yang menindas, menghina, menyakiti anak-anak yatim dan tidak menggalakkan orang lain memberi makanan kepada mereka. Ini kerana hakikat mempercayai Islam bukan sahaja pada kata-kata tetapi ianya juga perubahan dalam hati yang mendorong seseorang membuat kebaikan.

Sayyid Qutb menambah penerangan pada ayat 4 sehingga 7 dengan meletakkan entiti ayat ini sebagai solat bukan harakat-harakat yang kosong tanpa penghayatan jiwa yang ikhlas. Mereka yang disebut di dalam ayat ini, adalah mereka yang hanya menunaikan solat tanpa membangunkan rukun dan *syu'ur* di dalamnya. Mereka diibaratkan tidak solat sama sekali. Mereka sekadar melakukan gerak-geri solat dan membaca segala bacaannya tanpa hati mereka menghayati setiap bacaan, lantas ianya tidak menghidupkan jiwa-jiwa mereka. Kerana itu, ibadat solat tidak meninggalkan kesan-kesan di dalam jiwa orang-orang yang melakukannya.

Semua tafsiran Sayyid Qutb membawa kepada sebuah pengertian dan keutamaan yang penting di dalam solat. Menurut Hamdi Rahmat (2013), merujuk kepada penulisan Imam al-Ghazali, bagi melahirkan rasa khusyuk, seseorang perlu membina pelbagai bentuk emosi bermula dengan menghadirkan hati, memahami makna-makna, mengagungkan Allah SWT, takut, mengharap serta malu pada-Nya. Ini kerana sesuatu perbuatan yang dilakukan tanpa emosi adalah tidak bermakna.

Muhammad Shafi (2011) menjelaskan bahawasanya maksud ayat, *الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهَوْنَ*, ditujukan kepada mereka yang solat dalam kelalaian seperti melambat-lambatkan solat dan tidak bersungguh-sungguh untuk membangunkannya. Justeru, keutamaan solat yang dibincangkan, adalah seorang Mukmin untuk menjaga waktu solatnya dan bersiap sedia solat di awal waktunya.

Ibnu Kathir (2004) menjelaskan bahawa ayat ini membawa maksud seseorang yang tidak mengutamakan solat pada waktunya. Kelalaian di dalam atau pada solat itu mencakupi keseluruhan kelalaian di dalam solat daripada awal sehingga akhir dan juga termasuk kemunafikan amali.

Kesimpulannya, pengkaji melihat elemen *fiqh al-'Awwaliyyah* dari perbincangan ayat ini adalah mengutamakan jiwa yang khusyuk yang dipersiapkan sebelum solat dan juga dihidupkan sepanjang solat dengan memahami setiap maksud yang dibaca dan menghadirkan keseluruhan jiwanya di dalam solat. Berbanding dengan hanya menunaikan solat sekadar memenuhi rukun-rukun solat sahaja. Ini juga disokong dengan kisah Urwah bin Zubair yang terkena penyakit yang dimana kakinya harus dipotong untuk mengawal dari merebak. Di zaman itu, belum terciptanya bius atau ubat penahan sakit. Justeru, Urwah meminta kakinya dipotong ketika beliau sedang khusyuk di dalam solat.

4.1.3 Surah al-Taubah (9): 122

Allah SWT berfirman, iaitu:

﴿وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ﴾

Maksudnya: “Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).”

Perbincangan ayat ini bermula daripada rentetan ayat 119-121 daripada surah at-Taubah.

Sayyid Qutb (2010) menegaskan bahawa maksud; *مَا كَانَ لِأَهْلِ الْمَدِينَةِ وَمَنْ حَوْلَهُمْ* (مَا كَانَ لِأَهْلِ الْمَدِينَةِ وَمَنْ حَوْلَهُمْ مِنْ الْأَعْرَابِ أَنْ يَتَخَلَّفُوا عَنْ رَسُولِ اللَّهِ وَلَا يَرْغَبُوا بِأَنفُسِهِمْ عَنْ نَفْسِهِ) mengandungi kecaman yang halus, kerana tidak ada kecaman yang ditujukan kepada sahabat Rasulullah SAW yang lebih pedih dari kecaman yang menyifatkannya sebagai orang yang lebih menyintai dirinya dari diri Rasulullah, sedangkan beliau berada bersama Rasulullah dan menjadi sahabat Baginda SAW.

Kebersamaan bersama Rasulullah SAW ketika itu adalah ikut keluar berjihad *fi sabilillah*. Begitu dalam perbincangan awal Sayyid Qutb (2010) mengenai ayat surah al-Anfal, beliau menerangkan bahawasanya ketika itu Perang Tabuk, kekuatan tentera Muslimin dianggarkan sebanyak tiga puluh ribu orang. Perlunya kepada inisiatif untuk membahagikan tenaga-tenaga para sahabat RA kepada bidang-bidang yang lain selain jihad seperti bidang pembangunan, perniagaan dan lain-lainnya.

Namun, menurut Sayyid Qutb lagi, agama Islam merupakan satu sistem haraki yang tidak dapat difahami melainkan oleh mereka yang bergerak dengannya. Justeru, para sahabat RA yang keluar berjihad *fi sabilillah* untuk memperjuangkan agama, lebih memahami hakikat agama ini kerana mereka melaksanakan amali Islam di dalam perjuangan. Justeru, jihad adalah keutamaan kepada para sahabat RA ketika itu.

Meskipun begitu, maksud ayat *لِيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ* adalah dimana para sahabat RA yang pernah mengikuti peperangan dan merasai rahsia serta *syu'ur* hakikat dan tarbiah Islamiah di medan jihad, harus kembali kepada kaumnya untuk melaksanakan tarbiah Islamiah yang lebih fokus kepada pembangunan jiwa dan kefahaman sepertimana Allah SWT berfirman, iaitu:

﴿رَبَّنَا وَأَبْعَثْ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِكَ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُزَكِّيهِمْ إِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ﴾

Maksudnya: “Wahai Tuhan Kami! Utuslah kepada mereka seorang Rasul dari kalangan mereka sendiri, yang akan membacakan kepada mereka ayat-ayat (firmanMu) dan mengajarkan mereka isi kandungan Kitab (*Al-Qur'an*) serta Hikmat

kebijaksanaan dan membersihkan (hati dan jiwa) mereka (dari syirik dan maksiat). Sesungguhnya Engkaulah yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

Surah al-Baqarah (2): 129

Sepertimana perbincangan dalam *Fi Zilalil Qur'an*, ayat surah Anfal membincangkan peristiwa Perang Tabuk dimana bilangan kaum Muslimin semakin ramai dan tenaga yang boleh dimanfaatkan pon semakin luas. Para sahabat RA boleh dibahagikan mengikut peristiwa daripada sahabat Muhajirin, Ansar RA dan lainnya kerana dakwah Islam semakin meluas serta jajahannya semakin besar. Muhammad Shafi (2011) kemudian menerangkan maksud ayat tersebut ialah hukum kerahan jihad ketika Perang Tabuk itu adalah kerahan am yang bermaksud wajib untuk setiap orang Mukmin menyertainya dan haram bagi sesiapa yang tidak turut serta tanpa keizinan dan syarat yang munasabah dan *syari'e*.

Muhammad Shafi menjelaskan lagi, meskipun dari sudut hukum perang terdapat yang *fardhu 'ain*, *fardhu kifayah*, dan ada juga haram, namun itu situasi Perang Tabuk, ianya menjadi *fardhu 'ain*. Meskipun keutamaan keadaan di situ adalah menyertai peperangan Tabuk kerana ianya *fardhu 'ain*, Allah SWT memperingati kaum Muslimin menyempurnakan perkara-perkara *fardhu kifayah* seperti, menjaga kebajikan wanita dan anak-anak, menguruskan jenazah sehingga ke pengebumian, memakmurkan masjid dan pengurusannya dan begitu juga para alim mendidik dan tarbiah masyarakat untuk lebih faqih dengan agama kemudian berdakwah dan berjihad sebagai penerusan amal.

Ibnu Kathir (2004) menukilkan bahawa Adk-Dhahhak mengatakan seandainya Rasulullah SAW keluar berperang, maka Nabi SAW tidak mengizinkan seorang dari kaum Muslimin untuk tidak ikut kecuali yang betul-betul uzur *syari'e* dan mendapat keizinan Nabi SAW. Begitu juga sebaliknya, jika Nabi SAW tidak turut berperang, para sahabat RA perlu mendapat keizinan Baginda SAW untuk pergi berperang.

Kesimpulannya, pengkaji melihat elemen *fiqh al-'Awlawiyyah* dari perbincangan ayat ini, adalah keutamaan sentiasa bersama Nabi SAW khususnya pergi berperang dan yang dimaksudkan dengan ayat, *فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا*

إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ adalah dimana seluruh daripada kabilah-kabilah ikut keluar berperang dan mereka memahami wahyu dan telah mengalami pengalaman peperangan itu, kemudian mereka pulang kepada kaum mereka untuk mengajarkan dan memahamkan wahyu serta *ibrah* daripada pengalaman dan tarbiah amali besama Rasulullah SAW di medan perang tersebut.

4.1.4 Surah al-Muzammil (73): 1-5

Allah SWT berfirman, iaitu:

يَا أَيُّهَا الْمَرْمُلُ فُِمَّ اللَّيْلِ إِلَّا قَلِيلًا تَصَفَّهْ. أَوْ أَنْفِصْ مِنْهُ قَلِيلًا أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا إِنَّا سَنُلْقِي عَلَيْكَ
قَوْلًا تَقِيلاً

Maksudnya: “Wahai orang yang berselimut!. Bangunlah sembahyang *Tahajjud* pada waktu malam, selain dari sedikit masa (yang tak dapat tidak untuk berehat), iaitu separuh dari waktu malam, atau kurangkan sedikit dari separuh itu, ataupun lebihkan

(sedikit) daripadanya; dan bacalah Al-Qur'an dengan "Tartil". (Sayugialah engkau dan pengikut-pengikutmu membiasakan diri masing-masing dengan ibadat yang berat kepada hawa nafsu, kerana) sesungguhnya Kami akan menurunkan kepadamu wahyu (*al-Qur'an* yang mengandungi perintah-perintah) yang berat (kepada orang-orang yang tidak bersedia menyempurnakannya)."

Penekanan awal surah Muzammil membawa kepada misi besar ke atas Nabi Muhammad SAW iaitu misi dakwah kepada seluruh umat manusia bermula dengan bangsa Arab Quraisy. Dakwah adalah kerja berat serta amanah dari Allah SWT yang paling utama. Sayyid Qutb (2010) menyatakan, dakwah merupakan satu perintah yang amat penting dan hebat yang menarik Rasulullah SAW keluar dari kehangan selimut tidur dan dari rumah yang tenang ke dalam gelombang perjuangan di tengah-tengah pelbagai geseran dan ribut taufan diantara hati manusia dan realiti kehidupan.

Kerana tugas dakwah yang berat ini, Allah SWT memerintahkan Nabi SAW untuk bangun malam untuk melakukan *qiamullail*. Keutamaan ini diwajibkan ke atas Nabi SAW sehingga Baginda wafat. Dan keutamaan ini datang selepas penyempurnaan solat fardu sepertimana sabda Nabi SAW, iaitu:-

أَفْضَلُ الصَّيَامِ بَعْدَ رَمَضَانَ شَهْرُ اللَّهِ الْمُحَرَّمِ. وَأَفْضَلُ الصَّلَاةِ بَعْدَ الْفَرِيضَةِ صَلَاةُ اللَّيْلِ

Maksudnya: "Puasa yang paling utama selepas Ramadan ialah puasa sunat pada bulan Allah (bulan Muharram). Dan solat yang paling utama selepas solat fardu adalah solat pada waktu malam (*qiamullail*)."

(HR Muslim)

Keutamaan *qiamullail* ini menjadi bekalan dan pegangan Nabi SAW untuk *taqarrub* kepada Allah SWT di waktu dua sepertiga malam. Amalan solat malam juga meraihkan pengawasan Allah SWT, dikasihi oleh para ahli ibadat serta orang-orang soleh dan orang-orang Mukmin, perbualannya mempunyai hikmah, benar, jujur dan bijaksana dan jauh daripada kebinasaan (JAKIM, 2010).

Muhammad Shafi (2011) menerangkan awal ayat surah Muzammil adalah ianya menjadi kewajiban dan keutamaan kepada Nabi SAW dan para sahabat untuk beribadah di waktu malam (solat dan tilawah *al-Qur'an*) meskipun kewajiban solat fardu lima waktu belum lagi disyariatkan. Keutamaan beribadah di waktu itu adalah sebagai bekalan dan kekuatan kepada Nabi SAW dan para sahabat RA untuk menempuh dan membebani tugas yang berat iaitu *al-Qur'an* itu sendiri.

Muhammad Shafi menambah lagi, menyampaikan risalah *al-Qur'an* adalah tugas yang berat kerana, ianya terkait dengan amanah mengajarkan syariat Islam ke dalam hati-hati manusia untuk tunduk dan takut kepada Allah SWT.

Ibnu Kathir (2004) menjelaskan pada bahagian keutamaan waktu malam iaitu untuk kurang tidur untuk bangun menunaikan solat malam (*tahajjud*) dan memberi keutamaan membaca *al-Qur'an* dengan *tartil*. Athfaisy (1973) di dalam kitabnya *Syarah An-Nail wa Syifa' Al-'Alil* mendefinisikan *al-Tartil*, sebagai membaca *al-Qur'an* dengan tempoh yang perlahan dan tenang, tiada tujuan untuk mengajar, ianya memperhatikan maknanya dan sesuai dengan kaedah-kaedah hukum ilmu Tajwid. Bacaan tartil diberikan keutamaan adalah kerana untuk memahami isi kandungan *al-Qur'an* dan untuk mengamalkannya.

Kesimpulannya, pengkaji melihat elemen *fiqh al-'Awlawiyyah* dari perbahasan ayat ini adalah mengutamakan bacaan secara tartil ketika solat *tahajjud* berbanding membaca secara pantas dan tergesa-gesa. Dari sebuah hadis, riwayat Imam Muslim, daripada Huzaifah al-Yamani RA, beliau berkata:

“Pada suatu malam aku solat dengan Rasulullah SAW Baginda memulakan bacaan dengan al-Baqarah. Aku berkata dalam hati: Baginda akan rukuk apabila sampai ayat ke seratus. Kemudian Rasulullah terus membaca (selepas seratus ayat), lalu aku berkata dalam hati: Baginda akan habiskan al-Baqarah dalam rakaat ini. Lalu baginda habis baca al-Baqarah, maka aku berkata hati: Baginda akan rukuk. Kemudian Rasulullah SAW memulakan bacaan an-Nisa’, sehingga habis. Kemudian Baginda memulakan Ali-Imran sehingga habis. Baginda membaca perlahan-lahan, apabila jumpa ayat tasbih, baginda bertasbih, apabila jumpa ayat doa, baginda berdoa, apabila jumpa ayat berlindung, baginda meminta perlindungan.

5.0 Kesimpulan

Dalil *naqli* termasuk sumber ilmu *fiqh al-'Awlawiyyah* dan pengkaji telah membahaskan empat elemen *fiqh al-'Awlawiyyah* daripada empat ayat *al-Qur'an* dari empat surah yang berbeza. Sumber ilmu ini tidak diragukan dan merupakan kebenaran yang akan membawa kepada keyakinan (Basri Husin, 2009).

Daripada kajian ini, pengkaji mendapati elemen-elemen *fiqh al-'Awlawiyyah* daripada ayat-ayat pilihan. Elemen pertama daripada surah Anfal, ayat 65-66, **'kekuatan fikrah lebih utama daripada kekuatan fizik'** apabila berlaku pertembungan di antara yang haq dan batil di medan jihad. Elemen kedua, daripada surah al-Ma'un, ayat 4-6, **'keutamaan kusyuk di dalam solat'** dalam menyempurnakan kesemua rukun-rukun solat. Elemen ketiga daripada surah Taubah, ayat 122, **'menyampaikan ilmu dan berkongsi pengalaman kepada yang tidak berkesempatan'** bagi para sahabat RA yang telah kembali dari peperangan. Dan elemen terakhir daripada surah Muzammil, ayat 1-5, **'keutamaan membaca al-Qur'an secara tartil'** khususnya ketika solat *tahajjud*.

Perbincangan *fiqh al-'Awlawiyyah* di dalam al-Qur'an juga merungkai dan mengangkat amal ibadah yang utama dari amal-amal ibadah yang lain. Apatahlagi, ayat al-Qur'an yang mengangkat kebenaran dari kebatilan sepertimana firman Allah SWT,

أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ الْحَاجِّ وَعِمَارَةَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَجَاهَدَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ۗ لَا يَسْتَوُونَ
عِنْدَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ

Maksudnya: “Apakah orang-orang yang memberi minuman orang-orang yang mengerjakan haji dan mengurus Masjidil Haram kamu samakan dengan orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari Kemudian serta berjihad di jalan Allah? Mereka tidak sama di sisi Allah; dan Allah tidak memberi petunjuk kepada kaum yang zalim. Orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad di jalan Allah dengan harta,

benda dan diri mereka, adalah lebih tinggi darjatnya di sisi Allah; dan itulah orang-orang yang mendapat kemenangan.”

Surah at-Taubah (9): 19

Meskipun orang-orang kafir itu membuat baik kepada orang-orang yang mengerjakan haji, Allah SWT meletakkan kebenaran dan mengangkat darjat orang-orang beriman yang berjuang di jalan Allah SWT. Dari dapatan kajian ini, pengkaji mendapat motivasi untuk membuat analisis ayat-ayat al-Qur'an yang lain bagi menemukan elemen-elemen *fiqh al-'Awlawiyyah*. Wallahua'alam.

Rujukan

Abu Ali al-Banjari an-Nadwi. 1998. 40 Hadith Tentang Peristiwa Akhir Zaman. Kedah Darul Aman: Khazanah Banjariya.

Al-Maany. 2020. al-Awla. <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-en/%D8%A7%D9%88%D9%84%D9%89/>.

_____. 2020. Tamhidi. <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-en/%D8%AA%D9%85%D9%87%D9%8A%D8%AF%D9%8A/>

Ahmad Farid. 1999. Al-Tarbiyah Ala Manhaj Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Iskandariah: Al-Dar al-Salafiyah li al-Nasyr wa al-Tawzi'. Hlm. 288-289.

Abd al-Mun'im. 1981. Mujtama' al-Madinah, al-Ijtima' al-Hadhari. Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah. Hlm. 329.

Basri Husin. 2009. Beberapa Aspek Epistemologi: Konsep, Tabiat dan Sumber-Sumber Ilmu Dalam Radisi Islam. Jurnal Usuluddin.

Dr. Abdul Karim Zaidan. 1969. Al-Madkhal li Dirasat al-Syariah al-Islamiyyah. Baghdad: Mathba'atul 'Ani.

Dr. Abdul Karim Zaidan. 1987. al-Wajiz fi Usul al-Fiqh. Beirut: Muassasah Qurtubah.

Dr. Yusuf al-Qaradawi. 1996. Fi Fiqh al-'Awlawiyyah wa Dirasah Jadidah fi Dhau'i al-Qur'an wasunnah. Kaherah: Maktab al-Wahbah.

_____. 2013. Malamih al-Mujtama' al-Muslim. Surakarta: Era Adicitra Intermedia.

_____. 1999. Kaifa Nata'amal Ma'a al-Qur'an. Kaherah: Darussyuruq.

_____. 2015. Fiqh Keutamaan, Agenda-Agenda Utama Harakah Islam Pada Masa Yang Akan Datang. Bandar Baru Bangi, Selangor: Syabab Publishing. Hlm. 31.

Dr. Muhammad al-Fati al-Bayanuni. 1995. Madkhal ila Ilmu al-Dakwah. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buthy. 2005. *Sirah Nabawiyah Kajian Mendalam Manhaj Gerakan Islam Pada Masa Rasulullah SAW*. Shah Alam: Pustaka Dini Sdn Bhd.

Dr. Zahazan Mohamed. 2018. *Syarat Tadabbur al-Qur'an*. <https://www.hmetro.com.my/addin/2018/07/359733/syarat-tadabbur-al-Qur'an>. 20 Julai.

Dr Ahmad Nabil Amir. 2019. *Sayyid Qutb dan Fi Zilalil Qur'an*. <https://irfront.net/post/articles/sayyid-qutb-dan-fi-zilalil-quran/>. September 3.

Fahmi Abdul Khir. 2010. *Fiqh al-Awlawiyat, Konsep Serta Aplikasi Masa Kini*. Seminar Fiqh al-'Awlawiyah (Keutamaan) Dalam Mendepani Isu Semasa Umat Islam. 10 April.

Hamdi Rahman. 2013. *Model Penghayatan Solat Berasaskan Kaedah Tafakur*. GJAT, VOL. 3, Isu 2. Disember.

Ibnu Kathir, Abi al-Fida' Ismail bin Umar. 2004. *Tafsir al-Qur'an al-Azhim*. Riyadh: Dar al-Salam.

Jasiman. 2009. *Syarah Rasmul Bayan Tarbiyah*. Surakarta: Aulia Press. Hlm. 289.

Khalid Muhammad Khalid. 2017. *Rijaal Hawla al-Rasul SAW*. Beirut: Al-Maktabah Al-'Asriyyah.

Mounir Baalbaki & Dr. Rohi Baalbaki. 2008. *Al-Mawrid Al-Quareeb*. Lubnan: Dar El-Ilm Lilmalayin. Hlm. 307, 308 & 61

Muhsthafa al-Bugha & Dr. Mushthafa al-Khann. 2008. *Fikih Manhaji Jilid 2*. Yogyakarta: Darul Uswah.

Muhammad Khalid Masud. t.t. *Ikhtilaf al-Fuqaha, Diversity in Fiqh as a Social Construction*.

Muhammad Alihanafiah Norasid. 2016. *Tadabbur al-Qur'an Sebagai Mekanisme Pembangunan Modal Insan Rabbani, Sorotan Pemikiran Sa'id Hawwa (Tadabbur al-Qur'an: Isu dan Cabaran Semasa)*. Kuala Lumpur: Jabatan *al-Qur'an* dan al-Hadith, Uni. Malaya.

Muhamad Syaari Abdul Rahman. 2014. *Adab Menuntut Ilmu Melalui Kisah Nabi Musa*. <https://ikimfm.my/adab-menuntut-ilmu-melalui-kisah-nabi-musa/>. November 11.

Mohd Hasbie al-Shiddieque bin Hamad. 2017. *Kepentingan Sanad Menjamin Keaslian al-Qur'an dan al-Hadis*. Conference KUIS.

Muhammad Shafi. 2011. *Ma'ariful-Qur'an*. Maktaba Darul Uloom: Karachi.

Syaifuddin. 2011. *Epistemologi Fiqh: Bagaimana Fiqh Diproduk*. *Jurnal Falasifa*, 2(2).

Syeikh Sofiyurahman al-Mubarakfuri. 2015. *Ar-Raheeq al-Makhtum*. Terj. Mohd Darus Senawi. Bangi: Pustaka Buku Putih.

Sayyid Qutb. 2010. *Tafsir Fi Zilalil Qur'an* Jil. 4 & 10. Terj. Yusoff Zaky.. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman.

Wan Ramizah Hasan. 2018. *Menjaga Pandangan Dalam Surah Al-Nur Menurut Pendapat Sayyid Qutb*. Proceeding of The International Conference On Contemporary Issues In *Al-Qur'an* And Hadith (THIQAH 2018). 7 March.

Zainudin Hashim. 2018. (Tesis Phd) *Pendekatan Pembangunan Insan Menurut Hasan al-Banna Menerusi Kitab Majmu'ah Al-Rasail*. Universiti Malaya.